



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 27 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKURITI MAKANAN NEGARA KE-39 TERBAIK DI DUNIA, HARAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	TAMBAKAN LAUT JEJAS MATA PENCARIAN NELAYAN, NASIONAL, SH -20	LAIN-LAIN
3.	SIA DILULUSKAN TANPA AMBIL PANDANGAN KOMUNITI NELAYAN, NASIONAL, SH -20	
4.	MAJUKAN SEKTOR PERTANIAN MODEN, NEGERI SELANGOR, SH -25	
5.	SELANGOR LEANS ON SUBSIDIARIES, GLCs FOR MODERN AGRICULTURE PLAN, NEWS, THE STAR -2	
6.	'BNM MAY CONSIDER FUND FOR FOOD FOR AGRI PLAYERS', NATION, BST -4	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>27/7/2022</b>	<b>HARAKAH DAILY</b>	<b>ONLINE</b>	

## Sekuriti makanan negara ke-39 terbaik di dunia



**KUALA LUMPUR:** Tahap sekuriti makanan negara masih berada pada tahap yang baik, iaitu pada kedudukan ke-39 dalam kalangan 113 negara yang dinilai oleh Laporan Global Food Security Index (GFSI) 2021.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata melalui penilaian The Economist Intelligence Unit (EIU), negara mencatat skor 70.1, iaitu

pertambahan sebanyak 5.1 berbanding tahun 2020 yang juga menunjukkan peningkatan skor tahunan tertinggi.

Pada masa sama, katanya berdasarkan analisis bekalan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi tempoh antara Januari hingga Jun lalu, bekalan makanan dalam negara adalah stabil dan kekal mencukupi bagi menampung keperluan domestik.

“Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat gangguan dalam bekalan ayam pada pertengahan Mei lalu,” katanya menjawab soalan lisan Dato’ Sri Hasan Arifin (BN-Rompin) di Dewan Rakyat, hari ini.

Hasan meminta MAFI menyatakan pada tahap manakah sekuriti makanan di Malaysia pada masa ini dan sejauh manakah keberkesanan usaha kementerian menstabilkan harga bekalan makanan di pasaran yang semakin meningkat.

Dr Nik Muhammad Zawawi berkata, MAFI melaksanakan pelbagai intervensi untuk mengukuhkan sekuriti makanan negara yang turut menyumbang kepada kestabilan harga makanan.

Katanya, antara tindakan berkenaan ialah menyekat eksport ayam berkuat kuasa 1 Jun lalu, melibatkan bekalan ayam sebanyak 3.6 juta ekor sebulan dan mewujudkan simpanan stok melibatkan 4,536 tan metrik untuk menstabilkan bekalan ayam oleh Lembaga Pertubuhan Peladang.

“MAFI juga mewujudkan simpanan stok ikan melibatkan 1,000 tan metrik oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan mempermudahkan proses pembayaran tuntutan subsidi harga ayam dengan membenarkan bayaran pendahuluan tuntutan.

“Turut dimudahkan ialah cara Prosedur Import (IP) soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan dan tumbuhan,” katanya.

Beliau berkata, MAFI juga mempercepatkan proses keperluan lesen pengimportan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar DVS melalui kelulusan secara interim bermula 1 Julai lalu dengan proses kelulusan dalam tempoh tujuh hari bekerja, berbanding antara 30 hingga 90 hari sebelum ini.

**Selain itu, katanya MAFI melaksanakan moratorium penguatkuasaan bagi pengambilan pekerja asing dalam industri penternakan ayam supaya produktiviti di tahap optimum dan memberi bantuan tunai tambahan sebanyak RM100 kepada isi rumah kategori B40 dan RM50 kepada golongan bujang.**

**Katanya, inisiatif berkenaan bukan sahaja menyumbang kepada kesinambungan bekalan makanan, malah secara tidak langsung menangani kenaikan harga makanan. – HARAKAH DAILY 26/7/22**

**PERIT** casanya arang dia turun ke laut tetapi tidak sebarang hasil untuk di bawa pulang.

Nelayan mendakwa projek tambakan laut menyebabkan hidupnya laut berjauhan berkurangan.

Wartawan: *Sinar Harian* MOHD ISKANDAR OTHMAN mendengar kejohan komuniti nelayan di kawasan Bagan Ajam, Butterworth yang mengharapkan suara mereka didengar dan nasib mereka dibela.

Tiga hari berturut-turut gagal membawa pulang sebarang hasil tangkapan ikan antara musibah yang terpaksa dihadapi oleh nelayan di kawasan Bagan Ajam, Butterworth.

Semuanya didakwa akibat kesan projek tambakan laut yang dilakukan di perairan Pulau Pinang sejak beberapa tahun lalu hingga menjadikannya sumber pendapatan hampir 1,500 komuniti nelayan di negeri ini.

Kehidupan mereka semakin terkekang apabila terpaksa berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi ketika ini selain perlu menanggung kos penyelenggaraan enjin dan membeli peralatan menangkap ikan yang harganya tidak dikawal.

Berkongsi keperitan itu, nelayan Mohd Rusli Hassan, 41, mendakwa dia pernah terputus modal untuk turun ke laut berikutan gagal membawa pulang hasil tangkapan walaupun lebih enam jam memukat ikan.

Menurutnya, sejak kerja-kerja tambak laut dijalankan di kawasan Tanjung Tokong hingga ke Persiaran Gurney mengakibatkan hasil laut yang menjadi sumber pendapatannya selama ini berkurangan hingga 60 peratus.

Bapa kepada empat cahaya mata itu berkata, disebabkan kehabisan modal, dia terpaksa tebalukan muka meminjam wang daripada peraih ikan untuk kem-



Beberapa siri bantahan telah dibuat terhadap projek tambakan laut namun suara nelayan tidak diendahkan.



Mazlan (kiri) dan Mohd Rusli menunjukkan produk hasil laut yang diusahakan mereka bagi menambah pendapatan.

bali mencari rezeki.

"Bayangkan, itu baru kesan daripada projek tambakan yang dibuat di bahagian pulau dan cuba fikirkan apakah nasib kami sekiranya kerajaan negeri tetap meneruskan cadangan melaksanakan projek tambakan laut dari Bagan Ajam ke Telok Air Tawar yang melibatkan kawasan seluas 407 hektar.

"Sekiranya projek ini tetap diteruskan ia seolah-olah membunuh kami dan memusnahkan sumber laut," katanya ketika ditemu *Sinar Harian* pada Selasa.

Seorang lagi nelayan, Mazlan Abdul, 54, berkata, walaupun bantahan demi bantahan telah dilakukan oleh komuniti nelayan terhadap projek yang melibatkan tambakan laut namun suara mereka langsung tidak diendahkan.

Jelasnya, isu berkenaan bukan perkara baharu malah bebe-

rapa memorandum juga telah dihantar ke pihak bertanggungjawab termasuk di Parlimen bagi menghalang projek yang menjadikan mata pencarian nelayan.

"Tiada siapa yang pedulikan nasib kami dan apa yang lebih menyediakan, kami langsung tidak ditawarkan sebarang pampasan berikut kerakusan kerajaan negeri mengejar pembangunan," luahnya.

Mazlan berkata, disebabkan pendapatan yang semakin merosot, komuniti nelayan di Bagan Ajam telah mengambil inisiatif dengan menghasilkan produk hasil laut seperti belacan dan ikan masin selain menanam serai untuk dijual.

Sementara itu, Abu Bakar Ahmad, 43, pula berkata, mereka tiada pilihan selain terpaksa menjalani kehidupan dengan



Nelayan juga terpaksa menanggung kos penyelenggaraan enjin yang mahal selain harga peralatan menangkap ikan yang tidak dikawal.

serba kekurangan, disebabkan masalah yang gagal diselesaikan oleh pihak bertanggungjawab.

"Dengan pendapatan tidak menentu dan dihimpit kos sara

hidup yang tinggi sudah pasti kami mengharapkan nasib kami dibela, suara kami didengar dan laut kami dipelihara," katanya lagi.

## SIA diluluskan tanpa ambil pandangan komuniti nelayan

**BUTTERWORTH** - Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (Pen-Mutiara) mempertikalkan kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang diberikan untuk projek tambakan laut di Bagan Ajam di sini tanpa mendapat pandangan daripada komuniti nelayan.

Pengerusi Pen-Mutiara, Mahadi Md Rodzi berkata, kelulusan yang diberikan tanpa mengambil kira suara nelayan dan penduduk setempat itu menimbulkan tanda tanya apabila dia dilaksanakan tanpa mengikut prosedur sepatutnya.

Menurut Mahadi, perkara itu di-

maklumkan pihak ketiga kepadanya dalam satu mesyuarat baru-baru ini namun belum memenerima sebarang dokumen yang separatutnya diberikan mengenai laporan penilaian itu.

"Adakah ada 'tangan ghalib' yang meluluskan SIA ini tanpa memikirkan nasib nelayan yang akan hilang punca rezeki disebabkan projek ini," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Tambahnya, kerajaan negeri seharusnya lebih telus dan lebih prihatin dengan nasib rakyat yang bakal terkesan

sekiranya projek tambakan laut ini dilaksanakan di Bagan Ajam.

Ujarnya, komuniti nelayan di negeri ini bukan menghalang pembangunan yang diusahakan kerajaan negeri namun pembangunan yang ingin dilaksanakan itu biarlah tidak memberi kesan kepada alam sekitar dan rakyatnya sendiri.

"Jika projek ini tetap diteruskan pastinya ia memberi kesan kepada nelayan dari Bagan Dalam sehingga Kuala Muda selain menyebabkan ekosistem marin terganggu yang akan memberi kesan jangka panjang kepada kita."

"Selaku lagi saya tegaskan, kami sebut suara menolak sebarang projek tambak laut di seluruh negeri ini termasuk rancangan tambakan di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) dan di Bagan Ajam," katanya.

Kini terdapat dua projek tambak laut yang dirancang kerajaan negeri iaitu PSR membatikan projek pembangunan tiga pulau buatan berkeluasan 1,700 hektar di perairan Pemmatang Damar Laut dan tambakan laut dari Bagan Ajam ke Telok Air Tawar seluas 407 hektar dalam daerah Seberang Perai Utara (SPU).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/7/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	25

## Majukan sektor pertanian moden

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor memperkenalkan dasar Pelan Transformasi Agro Selangor (Peta) bagi memajukan sektor pertanian baharu dengan lebih teratur dan tersusun.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, dasar baharu pertanian itu memberi penekanan kepada sektor pertanian yang mampu menghasilkan pulangan tinggi menerusi kaedah moden.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) memberi arahan tanah kerajaan negeri yang dikenal pasti akan diwartakan mengikut keperluan dan atas tujuan pertanian.

"Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Yayasan Selangor (YS) telah mengemukakan senarai tanah kepada Unit Pemodenan Pertanian Seksyen Makro dan Penswastaan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian ketika men-



AMIRUDIN

**SIDANG DUN  
SELANGOR**

jawab soalan daripada Ean Yong Hian Wah (**DAP-Seri Kembangan**) ketika sesi sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada Selasa berkaitan kesediaan kerajaan negeri memberi arahan baharu supaya tanah yang masih belum membangun digalakkan untuk pelaburan pertanian moden.

Amirudin membenarkan, Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bertanggungjawab menguruskan Projek Pertanian Bersepadu di Sungai Rasa, Hulu Selangor sejak tahun 1992.

Kata beliau, MBI serta PKPS bersetuju untuk berkolaboratif bagi melaksanakan Projek Pertanian Berteknologi Tinggi di bawah Pemantauan Exco Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tanah.

"Kolaboratif MBI dan PKPS bakal melibatkan tanah milik MBI di Batu 29, Batu Arang, Mukim Rawang, Daerah Gombak seluas 781.473 ekar (312 hektar)," katanya.

## Selangor leans on subsidiaries, GLCs for modern agriculture plan

THE Selangor Agro Transformation Plan has been introduced to develop the agricultural sector in an organised manner, says Selangor Mentri Besar.

"This new agricultural policy focuses on agriculture activities that rely on modern methods to produce high returns," said Datuk

Seri Amirudin Shari who is also state finance and economy, land development and natural resources committee chairman.

"The Selangor State Executive Council issued an instruction to identify suitable state-owned land to be gazetted according to state needs and for agricultural purposes

under the plan.

"Government-linked companies (GLC) such as Menteri Besar Incorporated (MBI), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) and Yayasan Selangor then submitted a list of land, owned by them, to the State Economic Planning Unit," he said when responding to Ean Yong Hian Wah's (PH-Seri Kembangan) question on the development of land belonging to state subsidiaries and GLCs for modern agricultural investment.

"One recent collaboration was between MBI and PKPS, that jointly agreed to carry out a high technology agricultural project under the supervision of the state infrastructure and public amenities, agriculture modernisation and agro-based industry committee.

"This collaboration involves a 316ha land

owned by MBI in Batu 29, Batu Arang, Rawang," said Amirudin.

To a supplementary question from Ean Yong on whether land identified for modern agricultural projects would be open for collaborations with private companies or small-scale farmers, Amirudin replied that such projects were only for qualified companies.

"PKPS serves as the lead agency to monitor and manage this initiative.

"As these projects require substantial resources, capital, high skills and high technology, they are best done with companies of calibre with the capability to implement them.

"The state government will continue to identify land, crops and suitable modern agricultural activities under the plan," he said.

## NATIONAL RECOVERY COUNCIL PROPOSAL

# 'BNM may consider Fund for Food for agri players'

**KUALA LUMPUR:** The National Recovery Council (NRC) has recommended Bank Negara Malaysia (BNM) to review the possibility of setting up a food bank or Fund for Food in the form of loans to aggressively spur the production of food by agriculture players.

NRC chairman Tan Sri Muhyiddin Yassin said the initiative could compel banking institutions to provide funds to industry players to accelerate food production. This approach, he said, could reduce the burden of inflation of the people, especially those in the B40 income group.

"We had earlier discussed how BNM could consider the Fund for Food idea. However, commercial trade banks should also play a role by providing loans to encourage farmers, smallholders and other industry players to aggressively explore ways to increase food items."

"This way, we could possibly reduce the burden of inflation faced by many people, particularly the B40,"

dustry and the problems plaguing major ports.

Muhyiddin, who is also former prime minister, touched on a proposal to offer targeted subsidies.

He said the approach was necessary to prevent the wealthy from enjoying subsidies meant for others.

"The issue of targeted subsidies was also floated, where only those in the B40 and B50 categories would benefit from them. Currently, almost 50 per cent of subsidies are enjoyed by those in the high-income bracket. The effects of inflation could possibly be reduced." **By Fahmy A. Rosli**

he said after chairing the seventh NRC meeting at Sasana Kijang in BNM here yesterday.

In the three-hour meeting, NRC reviewed four presentations from the Health Ministry, BNM, Works

Ministry and the Transport Ministry. Among the issues discussed were the latest Covid-19 situation, the nation's fi-

nancial development, the challenges facing the construction in-



*Tan Sri Muhyiddin Yassin*

*Yassin*